



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	3/7/2021 (SABTU)	MUKA SURAT	:	24
JABATAN	:	PERHILITAN			

Tambah 5,000 renjer Lindungi hutan

Jumlah itu mampu melindungi habitat Harimau Malaya

Oleh MUHAMMAD YUSAINI MOHAMAD YUNUS

SHAH ALAM

Jumlah renjer perlu ditambah sehingga 5,000 orang bagi menjaga kawasan seluas lima juta hektar hutan sekali gus mampu melindungi spesies Harimau Malaya di negara ini.

Menurut Tabung Alam Malaysia (WWF), kerjasama di antara Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan), agensi-agensi lain dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) membuahkan hasil positif sejak tahun lalu.

Jelasnya, seramai 600 renjer dilantik untuk meronda hutan di bawah Program Perlindungan dan Rondaan Biodiversiti dengan peruntukan kerajaan sebanyak

RM32 juta bagi tahun ini.

"Inisiatif kerajaan seperti Operasi Bersepadu Khazanah (OBK) yang dipilih antara pemenang Anugerah Penguatkuasaan Alam sekitar Asia 2020 telah berjaya menangkap 140 pesalah dengan jumlah sitaan bernilai RM1.85 juta dan 672 jerat dawai dimusnahkan.

"Namun demikian, jumlah renjer masih perlu ditambah dan hasil kajian menunjukkan bahawa 10 renjer diperlukan bagi setiap 10,000 hektar setiap hari manakala 5,000 renjer diperlukan bagi lima juta hektar," katanya.

Kenyataan bersama itu melibatkan kerjasama Persatuan Pencinta Alam Malaysia dan Wildlife Society of Selangor.

Dalam pada itu, WWF berkata, populasi Harimau Malaya kini berada di ambang krisis kepupusan dengan hanya 200 ekor di seluruh semenanjung Malaysia.

WWF berkata, spesies tersebut perlu dilindungi supaya

tidak berlaku kesan buruk terhadap alam sekitar dan ekosistem hidupan liar.

Justeru, kehadiran harimau di alam liar adalah kunci untuk menekankan kesihatan dan keseimbangan hutan.

"Impak kehilangan seekor harimau adalah bersamaan dengan kehilangan 160,000 orang di sebuah negara yang mempunyai 32 juta penduduk.

"Adakah kita hanya akan memeluk tubuh apabila negara dilanda musibah seperti ini? Hakikatnya, kita perlu berdepan dengan realiti pahit.

"Melindungi harimau bermaksud melindungi habitat semula jadi mereka dan semua pihak harus bekerjasama melindungi harimau serta hidupan liar lain," katanya.

Mengulas lanjut, pihaknya berkata, apabila memulihara harimau, ia turut melindungi ekosistem terkaya di dunia dan habitat spesies yang terancam.

"Landskap harimau yang diurus dengan baik mempunyai manfaat ekonomi yang konkrit



Foto Harimau Malaya yang dirakam oleh kamera perangkap yang dipasang.

dan ia juga jaringan keselamatan penting bagi masyarakat tempatan dengan menyediakan akses kepada sumber semula jadi.

"Harimau mempunyai nilai budaya yang besar di peringkat global, nasional, tempatan dan merupakan simbol keberanian serta kekuatan.

"Lambang harimau sering digunakan sebagai logo oleh pelbagai agensi dan perbadanan ke-

rajaan termasuk Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Maybank," jelasnya.

Sementara itu, WWF berkata, jumlah jerat aktif menurun sebanyak 99 peratus dalam tempoh dua tahun di Kompleks Hutan Belum-Temengor yang berkeluasan 300,000 hektar hasil kerjasama Perbadanan Taman Negeri Perak dan WWF Malaysia.

